A

Zainuddin bin Abas lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO J-05–25–02 TAHUN 2012 (IDN)
MOHTARUDIN BAKI, TENGKU MAIMUN DAN ABANG ISKANDAR HHMR
31 OKTOBER 2014

C

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Tertuduh dituduh mengedar 339.54g methamphetamine — Kesalahan di bawah s 39(B)(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 — Tertuduh disabitkan atas kesalahan dan dijatuhkan hukuman mati — Pembelaan bahawa tertuduh hanya
D *mempunyai 'momentary custody' terhadap beg — Sama ada tertuduh mempunyai pengetahuan mengenai dadah berbahaya yang terkandung dalam beg — Sama ada pembelaan satu fikiran semula — Sama ada sabitan selamat*

Perayu telah dituduh mengedar 339.54g methamphetamine, satu kesalahan di
E bawah s 39(B)(2) Akta Dadah Berbahaya 1952. Bertindak atas maklumat pengedaran dadah berbahaya, sepasukan polis yang diketuai oleh SP3 telah ke sebuah restoran dan seorang lelaki ('perayu') dilihat berdiri di hadapan restoran tersebut sambil menyandang beg berwarna coklat (eksh P7). Apabila SP3 menghampiri perayu dan memperkenalkan dirinya sebagai polis, perayu cuba
F melarikan diri dan berlaku satu pergelutan tetapi perayu berjaya ditangkap. Satu beg berwarna kelabu dijumpai dalam P7 yang mana mengandungi satu paket lutsinar berisi ketulan jernih disyaki methamphetamine; satu Pasport Republik Indonesia atas nama perayu; dan satu Kartu Tanda Penduduk Republik Indonesia atas nama perayu. Di akhir kes pendakwaan, hakim
G perbicaraan memutuskan bahawa perayu mempunyai pengetahuan tentang dadah berbahaya yang dijumpai di dalam beg yang disandang olehnya dan bahawa suatu kes prima facie telah dibuktikan. Pembelaan perayu pada asasnya ialah dia tiba di restoran tersebut bersama kawannya, Hassan; bahawa mereka bercadang untuk pergi memancing; bahawa eksh P7 adalah kepunyaan
H Hassan; bahawa Hassan telah meminta perayu memegang beg tersebut sementara Hassan pergi meletakkan motosikal; bahawa perayu tidak mempunyai pengetahuan tentang dadah yang dijumpai di dalam beg tersebut. Di akhir kes pembelaan, hakim perbicaraan telah menolak pembelaan perayu dan mensabitkannya atas kesalahan serta menjatuhkan hukuman mati ke
I atasnya. Dalam rayuan ini, perayu menghujahkan bahawa dia hanya mempunyai *momentary custody* sahaja ke atas dadah berbahaya tersebut dan bahawa hakim perbicaraan khilaf dalam membuat dapatan mengenai pengetahuan; dan bahawa pembelaan bukanlah suatu yang difikirkan kemudian kerana Hassan telah dinyatakan di dalam percakapan beramaran

perayu dan telah dicadangkan kepada SP3 dan juga pegawai penyiasat ('SP5'). A

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Isu-isu yang dibangkitkan adalah tidak bermerit. Walaupun dalam pemeriksaan balas SP3 mengakui tidak mengetahui bagaimana perayu sampai di restoran itu dan tidak mengetahui sama ada Hassan yang telah memberikan eksh P7 kepada perayu, SP3 telah memberikan keterangan bahawa dia tidak melihat adanya motosikal atau sesiapa pun di kawasan tersebut. Keterangan ini bukanlah suatu yang tidak boleh diterima memandangkan perayu sendiri dalam keterangannya menyatakan bahawa tempat Hassan meletakkan motosikal dekat sahaja dengan tempat perayu berada (lihat perenggan 12). B C

(2) Keterangan SP3 bahawa dia memperkenalkan diri sebagai polis disokong oleh SP4. Keterangan SP3 dan SP4 adalah konsisten mengenai cubaan perayu untuk melarikan diri dan bahawa berlaku pergelutan antara perayu dengan anggota polis. Keterangan mereka juga konsisten mengenai penemuan pasport perayu di dalam beg eksh P11 dan bahawa tidak terdapat sesiapa lagi di tempat tersebut (lihat perenggan 14). D

(3) Hakim perbicaraan tidak khilaf dalam menerima keterangan SP3 dan SP4 dan membuat inferens bahawa dalam keadaan itu, perayu mempunyai pengetahuan tentang dadah berbahaya tersebut, lebih-lebih lagi apabila pasport perayu juga dijumpai di dalam beg yang sama. Ketiadaan cap jari atau DNA perayu pada paket plastik yang mengandungi dadah berbahaya tersebut tidak menjejaskan kes pendakwaan memandangkan wujudnya keterangan langsung daripada saksi-saksi pendakwaan (lihat perenggan 15). E F

(4) Penjelasan perayu bahawa dia melarikan diri kerana menyangka diserbu oleh perompak adalah tidak berasas. Hakim perbicaraan tidak khilaf apabila bergantung kepada dapatan fakta mengenai kelakuan perayu dan membuat inferens bahawa perayu mempunyai pengetahuan tentang dadah berbahaya tersebut (lihat perenggan). G

(5) Dalam percakapan beramarannya, perayu telah menyatakan bahawa beg tersebut diberikan oleh kawannya yang meminta perayu memegang beg tersebut. Nama kawannya tidak dinyatakan dalam percakapan beramaran itu. Tetapi nama Hassan telah dicadangkan kepada SP3 dan juga SP5. Memandangkan nama Hassan telah dikemukakan kepada saksi-saksi pendakwaan, pembelaan tentang Hassan itu tidaklah boleh dikatakan pembelaan yang difikirkan kemudian. Hakim perbicaraan telah membuat penilaian tentang pembelaan berkaitan Hassan sebelum memutuskan bahawa pembelaan adalah lebih merupakan *afterthought* (lihat perenggan 17–18). H I

(6) Mengambil kira dadah dijumpai di dalam beg yang disandang oleh perayu yang juga mengandungi barang peribadi perayu iaitu pasport dan kad kartu yang memberi inferens perayu tahu tentang kandungan eksh P7 itu, serta mengambil kira berat dadah berbahaya tersebut, sabitan terhadap perayu adalah selamat. Sabitan dan hukuman oleh Mahkamah Tinggi disahkan (lihat perenggan 22).

[English summary

The appellant was charged for trafficking 339.54g of methamphetamine, an offence under s 39(B)(2) of the Dangerous Drugs Act 1952. Based on information of trafficking of dangerous drugs, a team of police led by SP3 headed to a restaurant and a male ('the appellant') was seen standing in front of the restaurant carrying a brown bag ('exh P7'). When SP3 approached the appellant and introduced himself as a police, the appellant tried to escape and a scuffle ensued by the appellant was successfully arrested. A grey bag was found in P7 in which contained a transparent package containing crystalline substances suspected to be methamphetamine; a Passport of Republic of Indonesia under the name of the appellant; and a Citizen Card of the Republic of Indonesia under the name of the appellant. At the end of the prosecution's case, the trial judge held that the appellant had knowledge of the dangerous drugs found in the bag which he had carried and that a prima facie case was proven. Essentially, the appellant's defence was that he arrived at the restaurant with his friend, Hassan; that they had planned to go fishing; that exh P7 belonged to Hassan; that Hassan had asked the appellant to hold the bag while he parked his motorcycle; that the appellant did not have any knowledge about the drugs found in the bad. At the end of the defence's case, the trial judge dismissed the appellant's defence and convicted him on the offence and sentenced him to death. In this appeal, the appellant argued that he only had momentary custody of the dangerous drugs and that the trial judge erred in arriving at the finding about knowledge; and that the defence was not an afterthought as Hassan was mentioned in the cautioned statement and was suggested to SP3 and the investigating officer ('SP5').

Held, dismissing the appeal:

(1) There were no merits in the issues raised. Even though in the cross-examination, SP3 admitted to not knowing as to how the appellant arrived at the restaurant and did not know whether Hassan had given exh P7 to the appellant, SP3 had testified that he did not see any motorcycle or anyone in the vicinity. This evidence was not something that could not be accepted as the appellant himself in his evidence stated that the place where Hassan parked his motorcycle was near to where the appellant was (see para 12).

(2) The evidence that SP3 had introduced himself as the police was corroborated by SP4. SP3 and SP4's evidence was consistent with the

appellant's attempt to escape and that there was a scuffle between the appellant and the police. Their evidence was also consistent with the discovery of the appellant's passport in bag exh P11 and that there was no one else there (see para 14).

(3) The trial judge did not err in accepting SP3 and SP4's evidence and making the inference that in such a situation, the appellant had knowledge about the dangerous drugs, especially so since the appellant's passport was found in the same beg. The absence of the appellant's fingerprint or DNA on the plastic package containing the dangerous drugs did not jeopardise the prosecution's case since there was direct evidence from the prosecution's witnesses (see para 15).

(4) The appellant's explanation that he tried to escape because he thought he was being ambushed by robbers was baseless. The trial judge did not err when he relied on the finding of facts about the appellant's conduct and in making the inference that the appellant had knowledge about the said dangerous drugs (see para 16).

(5) In the cautioned statement, the appellant had stated that the bag was given by his friend who has requested the appellant to hold it. His friend's name was not mentioned in the cautioned statement. However, Hassan's name was suggested to SP3 and SP5. Since Hassan's name was not suggested to the prosecution's witnesses, Hassan's defence could not be said to have been an afterthought. The trial judge had made an assessment on the defence regarding Hassan before deciding that the defence was more of an afterthought (see paras 17–18).

(6) Taking into account the drugs found in the bag carried by the appellant which also contained his personal items, namely his passport and card which gave the inference that the appellant knew about the contents of P7, also taking into account the weight of the dangerous drugs, the conviction of the appellant was safe. The conviction and sentence by the High Court was affirmed (see para 22).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 288–371.

Kes-kes yang dirujuk

Mat v PP [1963] 1 MLJ 263 (dirujuk)
Mohamad Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169, MA (dirujuk)
Parlan bin Dadeh v PP [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 717, MP (dirujuk)
PP v Mansor bin Mohd Rashid & Anor [1996] 3 MLJ 560, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39(B)(2)

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No MTJ(1) 45A–14 Tahun 2011 (Mahkamah Tinggi, Johor Bahru)

Aina Safia bt Azemi (S Kulaselvi bersamanya) (Gooi & Azura) bagi pihak perayu. Tetralina bt Ahmed Fauzi (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Tengku Maimun HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

[1] Perayu telah dituduh mengedar dadah berbahaya iaitu methamphetamine seberat 339.54g, suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 39(B)(2) Akta Dadah Berbahaya 1952.

[2] Secara ringkas, kes pendakwaan adalah seperti berikut. Bertindak atas maklumat pengedaran dadah berbahaya, sepasukan polis yang diketuai oleh SP3 telah pergi ke Restoran SPOA, Tanjung Puteri, Pasir Gudang, Johor pada 30 Mac 2011 jam lebih kurang 9.50 malam. Apabila sampai di tempat tersebut, SP3 nampak seorang lelaki berdiri di hadapan restoran. Lelaki tersebut dilihat menyandang sebuah beg berwarna coklat (eksh P7). SP3 memberhentikan kereta di hadapan lelaki tersebut (yang kemudiannya dicamkan sebagai perayu), lalu keluar dan memperkenalkan diri sebagai polis. Perayu terperanjat dan cuba melarikan diri. Berlaku pergelutan di antara perayu dengan anggota polis yang mengakibatkan perayu mendapat kecederaan di lutut.

[3] SP3 membuat pemeriksaan ke atas beg eksh P7 yang disandang perayu. Di dalam beg eksh P7, SP3 menjumpai beg berwarna kelabu dengan tulisan *Valentino Italy* (eksh P11). Di dalam eksh P11 pula didapati:

(a) satu paket plastik lut sinar berisi ketulan jernih disyaki dadah berbahaya methamphetamine (eksh P5A);

(b) satu pasport Republik Indonesia atas nama perayu (eksh P12); dan

(c) satu Kartu Tanda Penduduk Republik Indonesia atas nama perayu (eksh P13).

[4] Ahli kimia yang menjalankan analisis ('SP1') mengesahkan bahan di dalam plastik lut sinar adalah methamphetamine seberat 339.54g.

[5] Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara memutuskan bahawa perayu mempunyai pengetahuan tentang dadah berbahaya yang dijumpai di dalam

beg yang disandang olehnya dan bahawa suatu kes prima facie telah dibuktikan. Perayu dipanggil membela diri. A

[6] Pembelaan perayu pada asasnya ialah beliau tiba di restoran tersebut bersama kawannya bernama Hassan; bahawa mereka bercadang untuk pergi memancing; bahawa beg sandang, eksh P7 adalah kepunyaan Hassan; bahawa Hassan telah meminta perayu memegang beg tersebut sementara Hassan pergi meletakkan motosikal; bahawa perayu tidak mempunyai pengetahuan tentang dadah yang dijumpai di dalam beg tersebut. B

[7] Hakim bicara mendapati bahawa pembelaan adalah penafian semata dan suatu yang difikirkan kemudian dan bahawa perayu gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Perayu disabitkan dan dijatuhi hukuman mati. Terhadap keputusan tersebut, perayu merayu ke Mahkamah Rayuan. C D

[8] Di hadapan kami, peguambela bijaksana berhujah di atas dua isu berikut:

(a) hakim bicara khilaf dalam membuat dapatan bahawa perayu mempunyai pengetahuan tentang dadah; dan E

(b) hakim bicara khilaf dalam membuat dapatan bahawa pembelaan perayu adalah penafian semata-mata dan suatu yang difikirkan kemudian.

[9] Mengenai isu pertama, peguambela bijaksana berhujah bahawa perayu hanya mempunyai *momentary custody* sahaja ke atas dadah berbahaya tersebut dan bahawa hakim bicara khilaf dalam membuat dapatan mengenai pengetahuan berdasarkan perkara-perkara berikut: F

(a) hakim bicara gagal mengambil kira perlakuan perayu melarikan diri adalah kerana dua buah kereta tanpa lambang polis dengan anggota berpakaian preman telah datang meluru ke arah perayu; G

(b) hakim bicara gagal membuat inferens yang memihak kepada perayu yang melarikan diri kerana menyangka orang-orang yang menyerbu adalah perompak; H

(c) maklumat yang diterima ialah bahawa akan berlaku kegiatan pengedaran dadah oleh seorang lelaki Melayu. Sebelum menyerbu perayu, pihak polis tidak membuat pemerhatian terlebih dahulu untuk memastikan sama ada wujud seseorang lain yang hadir untuk traksaksi dadah berbahaya tersebut; dan I

(d) *swabbing* yang dijalankan pada paket plastik (eksh P5A) tidak menemukan DNA atau cap jari perayu.

[10] Mengenai isu kedua pula, peguambela bijaksana berhujah bahawa pembelaan bukanlah suatu yang difikirkan kemudian kerana Hassan telah dinyatakan di dalam percakapan beramaran perayu dan telah dicadangkan kepada SP3 dan juga pegawai penyiasat ('SP5').

KEPUTUSAN KAMI

[11] Setelah menimbang hujahan pihak-pihak dan meneliti rekod rayuan, kami mendapati bahawa isu-isu yang dibangkitkan adalah tidak bermerit. Mengenai isu pengetahuan, versi pembelaan adalah bahawa perayu tiba di restoran tersebut dengan Hassan dan sementara Hassan pergi meletakkan motosikal, perayu diminta oleh Hassan untuk memegang beg sandang P7. Dihujahkan oleh peguambela bijaksana bahawa SP3 tidak mengetahui bagaimana perayu tiba dan sama ada Hassan yang meminta perayu memegang beg P7 itu. Adalah juga versi pembelaan bahawa pasport perayu bukan dijumpai di dalam beg eksh P11 tetapi di dalam poket seluar perayu.

[12] Kami mendapati bahawa walaupun di dalam pemeriksaan balas SP3 mengakui tidak mengetahui bagaimana perayu sampai di restoran itu dan tidak mengetahui sama ada Hassan yang telah memberikan beg sandang eksh P7 kepada perayu, SP3 telah memberi keterangan bahawa beliau tidak melihat adanya motosikal atau sesiapa pun di kawasan tersebut. Keterangan ini bukanlah suatu yang tidak boleh diterima memandangkan perayu sendiri di dalam keterangannya (ms 35: rekod rayuan) menyatakan bahawa tempat Hassan meletakkan motosikal dekat sahaja dengan tempat perayu berada.

[13] SP3 di dalam pemeriksaan balas mengakui bahawa dua buah kereta yang dinaiki pasukan serbuan tidak mempunyai lambang polis dan bahawa anggota polis berpakaian preman. Namun diperhatikan bahawa keterangan SP3 mengenai beliau memperkenalkan diri sebagai polis tidak dicabar. Di dalam pemeriksaan balas, SP3 konsisten dengan jawapannya bahawa pasport perayu dijumpai di dalam beg eksh P11. SP3 tidak bersetuju dengan cadangan peguambela bijaksana bahawa perayu telah mengeluarkan pasport daripada poket seluarnya.

[14] Keterangan SP3 bahawa dia memperkenalkan diri sebagai polis disokong oleh SP4. Keterangan SP3 dan SP4 adalah konsisten mengenai cubaan perayu untuk melarikan diri dan bahawa berlaku pergelutan di antara perayu dengan anggota polis. Keterangan mereka juga konsisten mengenai penemuan pasport perayu di dalam beg eksh P11 dan bahawa tidak terdapat sesiapa lagi di tempat tersebut.

[15] Di dalam membuat dapatan bahawa perayu mempunyai pengetahuan tentang dadah di dalam beg yang disandang oleh perayu, hakim bicara telah

mengambilkira keterangan SP3 dan SP4 seperti dinyatakan di atas yang menunjukkan bahawa ketika pihak polis sampai di hadapan restoran tersebut, tidak terdapat sesiapa melainkan perayu yang sedang menyandang beg eksh P7; bahawa tidak terdapat motosikal di sekitar kawasan itu; bahawa ketika polis memperkenalkan diri, perayu terkejut dan cuba melarikan diri dan bahawa perayu berjaya ditangkap selepas berlaku pergelutan. Kami berpendapat hakim bicara tidak khilaf dalam menerima keterangan SP3 dan SP4 dan membuat inferens bahawa dalam keadaan itu, perayu mempunyai pengetahuan tentang dadah berbahaya tersebut, lebih-lebih lagi apabila pasport perayu juga dijumpai di dalam beg yang sama. Ketiadaan cap jari atau DNA perayu pada paket plastik (eksh P5A) yang mengandungi dadah berbahaya itu, pada pendapat kami tidak menjejaskan kes pendakwaan memandangkan wujudnya keterangan terus daripada saksi-saksi pendakwaan (lihat *Public Prosecutor v Mansor bin Mohd Rashid & Anor* [1996] 2 MLJ 560).

[16] Dihujahkan oleh peguambela bijaksana bahawa hakim bicara sepatutnya mengambil inferens yang lebih memihak kepada perayu iaitu beliau melarikan diri kerana menyangka orang-orang yang menyerbunya adalah perompak. Memandangkan SP3 telah memperkenalkan diri sebagai polis, kami berpendapat penjelasan perayu bahawa beliau melarikan diri kerana menyangka beliau diserbu oleh perompak adalah tidak berasas. Hakim bicara tidak khilaf apabila bergantung kepada dapatan fakta mengenai kelakuan perayu dan membuat inferens bahawa perayu mempunyai pengetahuan tentang dadah berbahaya tersebut (lihat *Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 717).

[17] Mengenai isu kedua, kami mendapati bahawa di dalam percakapan beramarannya (ms 84: rekod rayuan), perayu telah menyatakan bahawa beg diberi oleh kawannya yang meminta perayu memegang beg tersebut. Nama kawannya tidak dinyatakan di dalam percakapan beramaran itu. Tetapi nama Hassan telah dicadangkan kepada SP3 dan juga SP5. Memandangkan nama Hassan telah dikemukakan kepada saksi-saksi pendakwaan, pembelaan tentang Hassan itu tidaklah boleh dikatakan pembelaan yang difikirkan kemudian.

[18] Walau apapun, kami mendapati bahawa hakim bicara telah membuat penilaian tentang pembelaan berkaitan Hassan sebelum memutuskan bahawa pembelaan adalah lebih merupakan *afterthought*. Berikut petikan penghakiman hakim bicara (ms 53–54: rekod rayuan):

> Beliau menyatakan telah mengenali Hassan lebih 3 bulan. Persoalannya, di dalam tempoh selama itu, masakan beliau tidak tahu identiti sebenar Hassan, jika benar Hassan itu wujud. Apakah nama penuhnya, alamat tempat tinggal Hassan serta aktiviti harian Hassan. Dinyatakan yang nombor hand-phone Hassan terdapat didalam hand-phone beliau. Persoalannya sewaktu didalam kereta polis untuk

membawanya ke IPD Seri Alam, mengapakah perkara sepenting itu tidak dimaklumkan kepada pihak polis? Juga beliau menyatakan yang beliau telah ditahan oleh polis sejurus selepas beliau turun dari motosikal. Dibandingkan pula dengan keterangan oleh SP4, dimanakah kewajaran keterangan oleh OKT ini. SP4 menyatakan, dalam jarak 100 meter, dalam perjalanan sebelum sampai ke tempat kejadian, SP4 tidak melihat ada sesiapa di situ, kecuali seorang lelaki Melayu itu kemudiannya dicamkan sebagai OKT.

... Keterangan SP4 ini lebih memperlihatkan kewajarannya jika dibandingkan dengan keterangan OKT. Perkara pertama yang dirampas oleh pihak polis setelah menahan OKT adalah beg tersebut. Maka, mengapakah pada ketika dan saat itu, OKT tidak terus menyatakan bahawa itu bukan beg beliau? Mengapa perlu menunggu semasa didalam kereta ataupun semasa percakapan beliau dirakam baru hendak memberitahu? Sedangkan menurut OKT sendiri, Hassan berada di situ semasa beliau ditangkap sebelum melarikan diri. Bukankah lebih mudah sekiranya dia memberitahu pihak polis terus pada ketika itu supaya Hassan ini boleh ditahan oleh pihak polis juga?

...

Teras pembelaan yang dibentangkan oleh pihak pembelaan iaitu dadah yang dijumpai didalam beg yang disandang olehnya adalah milik kawannya bernama Hassan, adalah suatu pembelaan yang tidak kukuh, lemah dan lebih merupakan 'after-thought'. Cerita mengenai Hassan ini memang jelas merupakan cerita rekaan. Kesimpulannya, Hassan ini sebenarnya tidak wujud.

[19] Justeru, walaupun hakim bicara mungkin khilaf dalam memberi label pembelaan perayu sebagai *afterthought*, kami berpendapat perayu tidak diprejudis kerana pembelaan telah diberi penilaian sewajarnya oleh hakim bicara. Tidak ada sebab untuk kami mengganggu dapatan hakim yang tersebut di atas. Seterusnya, berkaitan dengan pembelaan perayu yang menyatakan beliau dan Hassan bercadang pergi memancing, adalah diperhatikan bahawa tiada sebarang keterangan yang menunjukkan terdapatnya apa-apa peralatan memancing yang dijumpai pada atau berhampiran perayu. Kami juga tidak mendapati sebarang soalan dikemukakan kepada SP3 atau SP4 di dalam pemeriksaan balas yang mencadangkan peralatan memancing ada pada Hassan.

[20] Telah juga dihujahkan oleh peguambela bijaksana bahawa di dalam menilai keterangan perayu, hakim bicara telah mengenakan ujian yang lebih tinggi. Untuk menyokong hujahnya, peguambela bijaksana merujuk kepada penghakiman hakim bicara (ms 52: rekod rayuan) yang menyatakan:

Berbalik kepada soal asal, adakah keterangan dari OKT ini benar-benar dapat meyakinkan Mahkamah sehingga boleh mengenepikan kesahihan kes pihak Pendakwaan yang diputuskan 'prima facie' itu?

[21] Adalah prinsip undang-undang yang mantap bahawa mahkamah tidak perlu mempercayai atau meyakini versi atau keterangan perayu, sebaliknya perayu hanya perlu menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan (lihat *Mat v Public Prosecutor* [1963] 1 MLJ 263; *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169). Justeru, hakim bicara telah khilaf dalam mengenakan ujian sama ada perayu dapat meyakinkan mahkamah, kerana ia bukanlah suatu ujian atau beban yang dikenakan oleh undang-undang ke atas perayu. Namun, kami berpendapat, kenyataan hakim bicara yang tersebut tidak mengakibatkan sebarang ketidakadilan kepada perayu dan tidak menjejaskan sabitan ke atas perayu. Ternyata hakim bicara telah mendapati bahawa keterangan pembelaan telah gagal untuk menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan (ms 57: rekod rayuan).

[22] Mengambil kira dadah dijumpai di dalam beg yang disandang oleh perayu yang juga mengandungi barang peribadi perayu iaitu pasport dan kad kartu yang memberi inferens perayu tahu tentang kandungan beg P7 itu, serta mengambil kira berat dadah berbahaya tersebut, kami berpendapat sabitan terhadap perayu adalah selamat. Dengan itu kami sebulat suara menolak rayuan perayu dan mengesahkan sabitan dan hukuman oleh Mahkamah Tinggi.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor